

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)27

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

27. Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk menerokai pasaran pelancongan dari India?
- (a) Apakah inisiatif utama yang telah dilaksanakan dalam menarik pelancong India?
 - (b) Apakah pencapaian Kerajaan Negeri setakat ini dalam menarik pelancong India ke Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri melalui *Penang Convention and Exhibition Bureau* (PICEB) merancang pelbagai strategi untuk menerokai pasaran pelancongan dari India. Antara strategi yang diambil adalah terus konsisten dalam usaha untuk menonjolkan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan dan acara perniagaan, memudahkan kemasukan pelancong daripada India dan bekerjasama dengan Indigo Airlines, persatuan perniagaan (*Commercial Chambers*), persatuan-persatuan pelancongan dan platform pelancongan di India.

(a) **Inisiatif Utama**

- (i) *Penang Roadshow To India* (PRTI) adalah acara tahunan yang dijalankan di lima (5) bandar utama di India. Sesi ini terdiri daripada sesi *Business to Business* (B2B) dan sesi libat urus antara rakan industri di Pulau Pinang yang menyertai PRTI dan agen-agen pelancongan serta penganjur acara perniagaan di India. PRTI ini adalah suatu inisiatif yang menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serius terhadap rakan industri acara perniagaan dan pelancongan di India dalam mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan dan acara perniagaan.

- (ii) Kejayaan penerbangan terus daripada Chennai ke Pulau Pinang melalui Indigo Airlines semenjak Disember 2024 sehingga kini telah memudahkan kemasukan pelancong, peniaga serta penganjur acara perniagaan dan delegasi daripada India ke Pulau Pinang. Sidang media telah diadakan untuk menghebahkan penerbangan terus ini di Chennai dan Madurai serta disusuli pembentangan dan perjumpaan dengan agen-agen pelancongan di India.

- (iii) Rakaman video berkaitan Pulau Pinang untuk tujuan promosi telah dijalankan oleh pihak Indigo Airlines sebaik sahaja pengumuman penerbangan terus dibuat.

- (iv) PICEB telah menganjurkan sesi latihan *Penang Specialist Program* (PSP) sempena PRTI 2025 yang diadakan di Chennai untuk agen-agen pelancongan terpilih. Program ini dijalankan untuk memperkenalkan Pulau Pinang dengan lebih dekat sebelum agen-agen ini menghadiri sesi lawatan pengenalan (*familirisation trip*) di Pulau Pinang. Sesi latihan ini diadakan dengan kerjasama pihak Indigo Airlines untuk mengenal pasti agen-agen pelancongan yang relevan untuk tujuan mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi perkahwinan, pelancongan, konvensyen dan insentif korporat.

- (v) Lanjutan daripada sesi PSP diatas, agen-agen pelancongan yang terpilih dapat menghadiri lawatan pengenalan (*familirisation trip*) ke Pulau Pinang. Objektif lawatan ini adalah untuk agen-agen tersebut merasai sendiri pengalaman meneroka keunikan Pulau Pinang dan

memudahkan mereka untuk menawarkan pakej pelancongan yang sesuai kepada pelanggan mereka. Program lawatan ini melibatkan kunjungan di tempat/pusat tarikan pelancongan, lawatan ke pusat persidangan, lawatan di hotel-hotel yang pernah menghadiri PRTI, lawatan di George Town dan sesi libat urus dengan rakan-rakan industri.

(vi) Perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dengan Persatuan-persatuan Agen Pelancongan di India untuk mencapai kerjasama dalam mempromosikan kedua-dua negara. Satu memorandum persefahaman telah ditandatangani dengan platform pelancongan terbesar di India iaitu *EaseMyTrip* di Delhi pada PRTI tahun ini.

(vii) Perbincangan bersama persatuan perniagaan di Madurai untuk menarik lebih banyak segmen insentif korporat ke Pulau Pinang.

- (viii) Selain itu, pihak PICEB bercadang untuk mempromosi Pulau Pinang melalui majalah dalam penerbangan (*In-flight magazines*) Indigo Airlines.
- (ix) Satu video promosi dwibahasa dalam bahasa Tamil dan Inggeris sedang dihasilkan, dengan kerjasama artis Malaysia yang terkenal di India. Video ini bertujuan untuk mempromosikan Pulau Pinang kepada pasaran India, khususnya komuniti Tamil, dengan menampilkan elemen budaya tempatan dan tarikan pelancongan utama Pulau Pinang.
- (x) Dengan kerjasama daripada pihak Indigo Airlines, PICEB akan mengadakan misi jualan di enam (6) bandar di Tamil Nadu dengan melibatkan penyertaan rakan-rakan industri daripada Pulau Pinang. Misi jualan ini melibatkan pembentangan produk daripada rakan-rakan industri yang turut serta dalam misi jualan ini kepada agen-agen pelancongan yang terpilih di enam (6) bandar tersebut berserta sesi B2B.

- (xi) Bagi mengekalkan frekuensi penerbangan terus daripada Chennai ke Pulau Pinang dan sebaliknya, pihak PICEB telah menganjurkan lawatan media di Chennai. Lawatan ini melibatkan 15 media daripada seluruh Malaysia untuk mempromosikan penerbangan terus ini.
- (xii) Selain itu, pihak PICEB juga telah berkerjasama dengan pihak Malaysia Association of Hotel (MAH) -Penang Chapter untuk memilih tiga (3) agen pelancongan di Pulau Pinang yang akan dibekalkan dengan kod promosi khas daripada Indigo Airlines untuk mempromosikan penerbangan terus ini. Kod ini berserta nama tiga (3) agen pelancongan ini dicetak atas *bunting* yang akan ditempatkan di *India Visa Centre* di Pulau Pinang.
- (b) Daripada inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan oleh pihak PICEB semenjak pelancaran penerbangan terus daripada Chennai ke Pulau Pinang, ternyata terdapat peningkatan yang memberangsangkan oleh pelawat daripada India. Pada tahun 2023 dan 2024, bilangan pelawat daripada India tidak menduduki 10 tangga teratas dalam senarai ketibaan tertinggi melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

Namun setelah pelancaran penerbangan terus Chennai ke Pulau Pinang melalui Indigo Airlines pada 21 Disember 2024, ketibaan pelawat daripada India telah menduduki tangga ke lapan (8) dalam senarai ketibaan tertinggi di PIA daripada Januari hingga Mac 2025. Bilangan ketibaan pelawat dari India dari Januari hingga Mac 2025 ialah seramai 5,045 orang berbanding 2,417 orang untuk tempoh yang sama pada tahun 2024. Iaitu terdapat peningkatan sebanyak 108.73 peratus. Peningkatan ini memberi petanda yang baik dan Kerajaan Negeri yakin dengan lebih banyak insentif yang bakal dijalankan hingga hujung tahun ini, akan memberi peningkatan yang lebih baik.